



SIARAN MEDIA

MENTERI KPKT SINGGAH SAHUR BERSAMA WIRA DAN WIRAWATI MERAH NEGARA SEBAGAI TANDA PENGHARGAAN

KUALA LUMPUR, 25 FEBRUARI 2026 – Sempena bulan Ramadan tahun ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming meneruskan tradisi menyantuni warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerusi **Program Singgah Sahur MADANI di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seputeh, Kuala Lumpur.**

Sebagai tanda penghargaan atas jasa dan pengorbanan para wira merah, YB Tuan Nga Kor Ming telah meluangkan masa seawal jam 4.00 pagi tadi untuk bersama-sama warga BBP Seputeh. Kehadiran beliau bukan sekadar untuk menyantuni anggota bertugas, malah turut turun padang membantu menyediakan juadah sahur sebelum menikmati hidangan bersama mereka dalam suasana yang cukup harmoni. Program ini bukan sahaja mengukir kegembiraan pada raut wajah anggota yang terlibat, sekali gus membakar semangat mereka untuk terus berbakti demi keselamatan rakyat.

“Wira dan wirawati merah negara kita merupakan insan luar biasa yang sanggup berkorban masa bersama keluarga demi menjaga keamanan serta keselamatan masyarakat. Jasa mereka amat dihargai oleh kerajaan MADANI”.

“Bersahur bersama mereka memberikan saya peluang untuk merasai sendiri rutin harian pasukan JBPM yang kekal komited memberikan perkhidmatan yang terbaik biarpun pada bulan Ramadan”, ujar beliau.

Selain membantu menyediakan juadah bersahur, beliau turut mengambil kesempatan **menyantuni seramai 100 anggota bomba** yang sedang bertugas di balai tersebut. Kehadiran YB Nga sudah tentunya memberi suntikan semangat kepada pasukan bomba yang sentiasa menghadapi risiko ketika bertugas.

Turut hadir mengiringi beliau ialah Ketua Pengarah JBPM, YAS Dato Sri' Ts. Nor Hisham bin Mohammad dan pegawai-pegawai Balai Bomba dan Penyelamat Seputeh.

Ketua Pengarah JBPM menzahirkan ucapan terima kasih, "Kehadiran YB Menteri KPKT bersama barisan kepimpinan tertinggi JBPM hari ini amat bermakna buat kami. Kita percaya bahawa sokongan moral dan semangat kekitaan yang ditunjukkan ini nilainya melebihi segalanya. Sebagai warga bomba, kebersamaan ini membuktikan bahawa 'We are stronger together' dalam memikul amanah demi rakyat".

Inisiatif ini merupakan kesinambungan daripada tradisi yang dimulakan tahun lalu iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melakar sejarah sebagai kementerian pertama yang menyantuni warga bomba melalui sesi bersahur di BBP Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur. Langkah ini membuktikan keprihatinan berterusan pihak kementerian dalam menjaga kebajikan dan menyelami denyut nadi pasukan penyelamat di lapangan.

Program Singgah Sahur ini bukan sahaja menjadi platform untuk Menteri mendekati anggota bomba, malah mengukuhkan hubungan antara kepimpinan KPKT dan JBPM dengan 15,000 warga penyelamat yang menjadi barisan hadapan dalam menangani kecemasan serta bencana di seluruh negara.

"KPKT dan JBPM terus komited dalam memastikan kebajikan serta kesejahteraan anggota bomba dipelihara selaras dengan usaha berterusan kerajaan MADANI dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat", ulas YB Nga.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my